

Pantau jualan kepada golongan bawah umur

Semua pihak berkaitan di negara ini perlu saling bekerjasama bagi memantau penjualan dan penggunaan rokok elektronik (vape atau e-rokok) serta shisha stick terutama terhadap golongan bawah umur yang terdiri daripada kanak-kanak dan remaja yang rata-rata masih bersekolah.

Penggunaan kian menular

Isu berkaitan penjualan dan penggunaan rokok elektronik serta shisha stick mula mendapat perhatian pelbagai pihak yang bimbang dengan penjualan dan penggunaan bahan sama seperti rokok yang dilihat kian menular dalam kalangan masyarakat.

Orang ramai perlu berfikir panjang sebelum mula ketagih menggunakan bahan terabit. Bagi go-

longan bawah umur pula, semua pihak berkaitan perlu berganding bahu memastikan golongan terabit tidak terjebak sebelum menjadi ketagih serta berada di luar kawalan.

Ibu bapa atau penjaga perlu sentiasa memantau aktiviti harian anak mereka begitu juga pihak sekolah, boleh memainkan peranan dengan sentiasa aktif memantau keadaan di sekolah supaya tiada pelajar yang terabit dalam penggunaan bahan berkenaan.

Pemeriksaan ketat perlu dilakukan semua pihak supaya pelajar tidak memiliki atau menggunakan bahan terabit. Tindakan tegas dan berterusan harus juga diambil oleh pihak berkuasa berkaitan terhadap penjual rokok yang tidak bertanggungjawab

yang terus menjual hasil tembakau dan rokok kepada kanak-kanak dan remaja yang belum mencapai umur 18 tahun.

Sasar penguatkuasaan

Kementerian Kesihatan Malaysia perlu kerap melancarkan operasi penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 di bawah Akta Makanan 1983 (Akta 281) bagi menyasarkan penguatkuasaannya terhadap larangan penjualan hasil tembakau kepada orang belum dewasa, larangan orang belum dewasa merokok atau memiliki hasil tembakau dan bertanggungjawab penjual rokok untuk mempamerkan tanda larangan jualan hasil tembakau kepada orang di bawah umur 18 tahun.



Jualan vape patut dipantau elak pengaruhi remaja dan kanak-kanak.

[GAMBAR HIASAN]

Pada masa sama, kerajaan perlu melakukan penambahbaikan terhadap undang-undang serta peraturan sedia ada bagi memastikan aspek penggunaan rokok tidak hanya terhad dengan memberi fokus terhadap bahan tembakau sahaja kerana bahan digunakan untuk merokok juga ada

yang tidak membabitkan tembakau, namun memberi kesan sama seperti tembakau seperti yang digunakan melalui rokok elektronik serta shisha.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Universiti Sains Islam Malaysia